

Firma tak dibenar beroperasi cenderung potong gaji

Syarikat yang tidak dibenarkan beroperasi ketika penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi sejak Jun lalu cenderung untuk melaksanakan pemotongan gaji berbanding membentuk perkerja lagi mengekalkan kelangsungan operasi.

Artikel diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bertajuk 'Impak Penutupan Sektor Sosial dan Ekonomi Terhadap Permintaan Buruh Kajian Jangka Pendek' mendapati, perniagaan dalam sektor tidak penting merekodkan peratus pemotongan gaji yang lebih tinggi berbanding sektor penting lain.

Pengurangan pakej barisan berkaitan ketidaksihan atau permintaan yang perlahan adalah antara faktor utama pembentukan perkerja, jelas artikel itu.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir

Mahidin, berkata situasi ekonomi kurang memberangsangkan sejak 2020 memberi kesan khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana kebanyakannya perusahaan ini beroperasi dengan sumber terhad, memperoleh margin keuntungan kecil dan cenderung untuk memperlakukan perbelanjaan yang besar bagi jumpasan perkerja.

Katanya, PKS yang merangkumi 97.2 peratus daripada keseluruhan eniti perniagaan di Malaysia memiliki 7.25 juta orang atau 68 peratus daripada keseluruhan gajim tenaga.

"Menyadari peranan penting PKS dalam ekonomi Malaysia dan kerentanannya terhadap faktor luar jangka, inisiatif dan pakej rangsangan untuk disediakan secara berterusan membantu perniagaan dalam kategori ini," katanya dalam satu kenyataan.

Menyadari peranan penting PKS dalam ekonomi Malaysia dan kerentanannya terhadap faktor luar jangka, inisiatif dan pakej rangsangan unik disediakan secara berterusan bagi membantu perniagaan dalam kategori ini

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkaan Malaysia



Berita berkata, dari segi pengurusan aliran tunai, Program Subsidi Upah dan moratorium pinjaman antara inisiatif jangka pendek yang dapat kurangkan beban aliran tunai PKS.

Katanya, dalam jangka masa panjang, perubahan sistematik ke arah automasi dan pengdi-

tan dapat diroka melalui inisiatif seperti Geran Padanan Digital PKS, Dana Transformasi Teknologi PKS, Geran Automasi Pinar dan Program Pemerkasaan Digitalisasi Usahawan Kecil (PPUPUK).

"Inisiatif ini satu alternatif membantu PKS mengekalkan

perniagaan dan memastikan mereka dilindungi dengan perisian, perkakasan dan kemahiran bersejuaian dalam melaksanakan inovasi serta mempertingkatkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Mengesah prestasi pasaran buruh bagi suku kedua 2021, Mohd Uzir berkata, ia bertambah baik berbanding suku sama tahun sebelumnya apabila impak COVID-19 melanda negara buat pertama kali.

"Namun, langkah kawalan yang merangkumi sekatan berterusan aktiviti ekonomi dan sosial telah dilaksanakan menjelang akhir suku kedua 2021 bagi melindungi keselamatan awam.

"Prosedur yang lebih ketat berbanding suku pertama tahun ini, menyebabkan momentum pemulihan pasaran buruh terjejas pada suku kedua lalu," katanya.